

LAMPIRAN 2

**PERMOHONAN NOTIS PERUBAHAN (NOTICE OF CHANGE – NOC)
BAGI PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT TEMPATAN BAGI MENYOKONG EKOSISTEM E&E (ACADEMY IN FACTORY DAN TRAIN AND PLACE)**

PERKARA	MAKLUMAT ASAL (MyProjek)	PERMOHONAN PERUBAHAN / PERTAMBAHAN	JUSTIFIKASI
Pemilik Projek	Bahagian Pembangunan Industri	Bahagian Perancangan Strategik	Peluasan skop sektor berkaitan memerlukan penukaran pemilik projek.
Agensi Pelaksana	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	Kekal	
Nama Projek	Program Pembangunan Bakat Tempatan Bagi Menyokong Ekosistem E&E (<i>Academy in Factory</i> dan <i>Train and Place</i>)	Program Peningkatan Daya Saing Bakat Melalui Akademi Dalam Industri	Mesyuarat PEMUDAH Bilangan 1 Tahun 2023 pada 14 Mac 2023 telah bersetuju supaya Program Academy in Factory (AiF) yang dilaksanakan sejak 2022 dijenamakan semula sebagai Akademi Dalam Industri supaya meliputi industri yang lebih luas dan tidak hanya tertumpu kepada sektor pembuatan.
Kos Projek	RM25,000,000 Nota: MIDA: RM1,750,000 (2021) MPC: RM23,250,000 (2022 – 2025)	RM 31,690,000 RP1 2021 – RM1,750,000 (MIDA) RP2 2022 – RM3,000,000 RP3 2023 – RM5,250,000 RP4 2024 – RM5,690,000 RP5 2025 – RM16,000,000	Pindaan kos projek seperti pembentangan pemeriksaan bajet rolling plan 5. Perbezaan kos adalah sebanyak RM6,690,000.00.
Tempoh Projek	5 tahun	Kekal	
Tarikh Mula	2021	Kekal	
Tarikh Siap	2025	Kekal	

PERKARA	MAKLUMAT ASAL (MyProjek)	PERMOHONAN PERUBAHAN / PERTAMBAHAN	JUSTIFIKASI
Skop Projek	1. Menyelaraskan dan menyediakan latihan industri yang memberi fokus kepada peningkatan bakat dalam industri berkaitan Elektrikal dan Elektronik (E&E) bagi tempoh 2022 hingga 2025 yang merangkumi dua program berikut: i. <i>Academy in Factory</i> ii. <i>Train and Place</i>	1. Menyelaraskan program peningkatan bakat dalam industri bagi tempoh 2022 hingga 2025 yang merangkumi dua program berikut: i. Train and Place bagi industri Elektrikal dan Elektronik (E&E) bagi tahun 2022 hingga 2023 ii. Akademi Dalam Industri bagi tahun 2024 hingga 2025	Pelaksanaan program Train and Place melibatkan sektor E&E sahaja. Namun demikian, pelaksanaan program Akademi Dalam Industri telah diperluaskan kepada semua sektor berproduktiviti tinggi.
	2. Melaksanakan program Academy in Factory (AiF) yang merupakan program latihan melibatkan lepasan pelajar yang berumur 18 tahun ke atas yang memenuhi syarat boleh membaca, mengira dan menulis (3M) serta ingin meneruskan kerjaya di dalam industri E&E. Program ini melibatkan: i. pengambilan peserta untuk mengikuti latihan kemahiran sambil bekerja (<i>on the job training</i>) dalam tempoh 18 bulan dan akan menerima sijil kemahiran tahap 2 selepas tamat tempoh latihan; dan ii. pemberian gaji minimum RM1,500	3. Pembangunan strategi komunikasi program Akademi Dalam Industri bagi melahirkan bakat tempatan produktif melibatkan sektor berproduktiviti tinggi berdasarkan 'demand-driven approach' yang merangkumi empat (4) kategori bakat iaitu: i. Lulusan Sekolah ii. Lulusan TVET (memiliki Sijil Kemahiran Malaysia) & Graduan Institut Pengajian Tinggi iii. Kembali Bekerja (<i>Return-to-Work</i>) iv. Tenaga kerja yang belum digunakan sepenuhnya (<i>Untapped Workforce</i>)	• Inisiatif Akademi Dalam Industri dikembangkan kepada tiga (3) kategori tambahan iaitu lepasan TVET dan graduan universiti, golongan kembali bekerja (Contoh: suri rumah yang tergolong dalam golongan produktif yang ingin kembali bekerja) dan tenaga kerja yang belum digunakan sepenuhnya (Contoh: golongan rentan – orang yang diparol, klien AADK, OKU, belia di bawah perintah mahkamah). • Usaha ini juga telah melihat keperluan untuk memperluas kategori industri yang terlibat secara menyeluruh merujuk kepada semua sektor atau industri berproduktiviti tinggi atau yang utama di Malaysia. • Pendekatan demand driven approach dititikberatkan bagi memastikan kemahiran adalah unik dan spesifik. Oleh demikian, pembangunan modul industri dapat membantu meningkatkan kemahiran bakat mengikut keperluan semasa industri. • Sistem Akademi Dalam Industri mampu meningkatkan kecekapan dan berkesan perkhidmatan untuk memudahkan pihak berkepentingan (syarikat dan bakat).

PERKARA	MAKLUMAT ASAL (MyProjek)	PERMOHONAN PERUBAHAN / PERTAMBAHAN	JUSTIFIKASI
	dan elaun-elaun yang disediakan oleh syarikat kepada peserta, serta didaftarkan di bawah Akta Pekerja.		
		4. Pelaksanaan program Akademi Dalam Industri melibatkan: i. Pembelajaran Berasaskan Kerja (Work-based Learning) melalui Akademi Dalam Industri; ii. Penempatan bakat ke industri sebagai pekerja yang menerima gaji serta manfaat ditawarkan oleh syarikat; iii. Syarikat melaksanakan peningkatan kemahiran kepada pekerja melalui persijilan kemahiran malaysia secara Micro-credential/Persijilan Penuh bagi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 2-3 dalam tempoh maksimum 18 bulan serta Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)/Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM)/Pakar Industri (Tahap 6-8) dalam tempoh 24 hingga 48 bulan bergantung kepada keperluan kemahiran dalam industri; iv. Program peningkatan kemahiran yang dikendalikan oleh industri adalah melalui	

PERKARA	MAKLUMAT ASAL (MyProjek)	PERMOHONAN PERUBAHAN / PERTAMBAHAN	JUSTIFIKASI
		kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) bagi melayakkan peserta mendapatkan persijilan penuh (Tahap 1-5) atau Micro-credential oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK); v. Pengiktirafan pendidikan bukan formal bagi bakat yang telah menjalani peningkatan kemahiran dalam industri; dan vi. Pembangunan modul kemahiran dalam industri yang melibatkan pengetahuan praktikal/aplikasi industri selari dengan keperluan semasa industri.	
		5. Pembangunan, peningkatan, penyelenggaraan, integrasi dan keselamatan sistem Akademi Dalam Industri melibatkan: i. Pemantauan maklumat bakat secara 'real-time' dan menjadi one-stop-centre bagi digital matching antara syarikat dan bakat; ii. Secure Posture Assessment (SPA) dalam memastikan sistem pengurusan mempunyai kawal selia keselamatan yang efisien; iii. Pembangunan 'mobile apps'; iv. Mobile Application Security Assessment (MASA) dan Security Test;	

PERKARA	MAKLUMAT ASAL (MyProjek)	PERMOHONAN PERUBAHAN / PERTAMBAHAN	JUSTIFIKASI
		v. Subscription Messaging Services (SMS); vi. Pembangunan Content Management System berdasarkan keperluan semasa; vii. Application programming interface (API); dan viii. Pemantauan bayaran insentif dan pensijilan kemahiran bakat.	
	3. Melaksanakan program Train and Place, yang merupakan program latihan bakat dalam industri E&E dengan memberi tumpuan kepada lepasan Diploma/SVM/SKM Tahap 3 dan lepasan ijazah. Program latihan ini melibatkan: i. bayaran elaun kepada peserta dengan kadar tidak melebihi RM1,500 sebulan untuk lepasan SPM dan tidak melebihi RM2,500 sebulan untuk lepasan ijazah bagi tempoh 2 bulan; dan ii. bayaran yuran kursus: • Juruteknik – sebulan latihan secara fizikal • Jurutera – sebulan	Pinda sebagai skop 2.	

PERKARA	MAKLUMAT ASAL (MyProjek)	PERMOHONAN PERUBAHAN / PERTAMBAHAN	JUSTIFIKASI
	dan 15 hari secara atas talian		
		6. Kolaborasi kerajaan-industri-akademia bagi memastikan bakat tempatan ditempatkan di industri berproduktiviti tinggi (<i>High Growth High Value</i>) dan menerima gaji selaras dengan kemahiran mengikut Akta Pekerja 1955.	Sektor baharu Akademi Dalam Industri diperluaskan kepada semua sektor berproduktiviti tinggi (<i>High Growth High Value</i>)
Objektif	Melahirkan individu berkemahiran melalui pensijilan di dalam industri E&E secara pembelajaran di dalam kilang bagi program <i>Academy in Factory</i> .	Melahirkan tenaga kerja mahir dan produktif melalui program kemahiran yang diiktiraf Kerajaan bagi laluan kerjaya dan peningkatan pendidikan menerusi Akademi Dalam Industri.	Perluasan skop secara menyeluruh merujuk kepada industri berproduktiviti tinggi dan pengiktirafan program kepada peserta menerusi sijil kemahiran dalam industri yang diiktiraf Kerajaan Malaysia.
	Membangunkan bakat dalam bidang yang telah dikenalpasti bagi memenuhi keperluan semasa industri E&E bagi program <i>Train and Place</i> .	Membangunkan bakat dalam bidang yang telah dikenalpasti bagi memenuhi keperluan semasa industri E&E bagi program <i>Train and Place</i> .	Kekal
Keterangan Projek	Inisiatif ini dilaksanakan bagi memastikan adanya tenaga kerja yang relevan dalam memenuhi keperluan industri E&E. Sokongan dalam bentuk peruntukan kewangan diperlukan bagi membangunkan program	Pelaksanaan program ini adalah bagi melahirkan insan produktif yang merupakan tenaga kerja yang relevan bagi memenuhi keperluan industri di Malaysia. Ini bagi mengatasi jurang ketidakpadanan kemahiran dalam industri di Malaysia. Terdapat keperluan mendesak bagi	Inisiatif <i>Academy in Factory</i> (AiF) sebelum ini memberi fokus kepada industri E&E sahaja, manakala <i>Akademi Dalam Industri</i> telah meluaskan skop pelaksanaan kepada semua industri yang berproduktiviti tinggi. Inisiatif Akademi Dalam Industri akan membuat pemadanan kepada penempatan bagi empat (4) kategori bakat ke industri serta berpeluang meningkatkan kemahiran dan memperolehi sijil kemahiran yang diiktiraf oleh Kerajaan.

PERKARA	MAKLUMAT ASAL (MyProjek)	PERMOHONAN PERUBAHAN / PERTAMBAHAN	JUSTIFIKASI
	yang melibatkan pengetahuan praktikal/aplikasi industri supaya selari dengan keperluan semasa industri. Selain itu, terdapat keperluan mendesak bagi menyelesaikan masalah kekurangan tenaga kerja yang dihadapi industri E&E dengan menyediakan latihan peningkatan bakat dalam bidang tertentu termasuk melalui kaedah penempatan industri. Pelaksanaan ini diharap dapat menyokong usaha dalam memastikan pembangunan bakat yang berkemahiran tinggi dapat dilaksanakan dan meningkatkan produktiviti serta dapat memenuhi keperluan semasa industri E&E dengan segera. Pelaksanaan ini juga bertujuan untuk menggalakan penglibatan peserta yang tidak mempunyai latar belakang di dalam industri E&E, selain dapat memupuk dan mengembangkan inovasi serta memberi peluang kepada anak tempatan memperoleh kemahiran beserta gaji yang bersesuaian.	menyelesaikan isu kekurangan tenaga kerja yang dihadapi industri berproduktiviti tinggi. Oleh itu, pepadanan dan peningkatan kemahiran dalam industri merupakan agenda utama dalam Program Akademi Dalam Industri bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran. Program Akademi Dalam Industri akan melibatkan pembangunan modul kemahiran dalam industri yang dibangunkan oleh industri melalui pendekatan <i>place and train</i> yang melibatkan pengetahuan praktikal/aplikasi industri selari dengan keperluan semasa industri. Pelaksanaan ini diharap dapat menyokong usaha dalam memastikan pembangunan insan produktif yang berkemahiran tinggi seterusnya melonjakkan produktiviti industri dan tenaga kerja mahir akan menerima gaji yang sepadan dengan bidang kemahiran. Ini memberi peluang kepada individu yang tidak mempunyai latar belakang sebarang kemahiran untuk menceburi bidang kerjaya dalam industri dan sektor berproduktiviti tinggi.	

PERKARA	MAKLUMAT ASAL (MyProjek)	PERMOHONAN PERUBAHAN / PERTAMBAHAN	JUSTIFIKASI
Komponen	1. Mengadakan program kerjasama dengan Kementerian dan Agensi yang berkaitan bagi memastikan program ini selari dengan silibus industri dan dapat memenuhi keperluan semasa industri.	1. Mengadakan sesi libat urus dan bengkel bersama rakan strategik (awam, swasta, akademik, NGO, persatuan industri, kumpulan syarikat dan syarikat) untuk memudahkan pelaksanaan program di 14 buah negeri.	Perubahan butiran komponen adalah sejajar dengan perluasan skop dan mandat KSP RMK-12, NIMP 2030 dan NTER.
	2. Mengadakan Program Penempatan dan Latihan yang diterajui oleh industri.	2. Menganjur program outreach secara fizikal atau atas talian untuk pencarian dan saringan bakat Akademi Dalam Industri di 14 buah negeri.	
	3. Mengenalpasti dan menjalinkan kerjasama inisiatif <i>Academy in Factory</i> (AiF) dengan pusat bertauliah dan syarikat di bawah 3 bidang utama iaitu automasi, semikonduktor dan <i>electronics manufacturing services</i> yang akan menumpukan kepada 10 sub-bidang utama yang dikenal pasti.	3. Mengadakan bengkel (one-to-one coaching) dan melantik akademik atau pakar industri untuk pembangunan modul industri.	
	4. Mengadakan pelarasan dan usahasama dengan institusi sedia ada dalam pelaksanaan program bagi mengoptimumkan penggunaan dana sedia ada.	4. Kekal	

PERKARA	MAKLUMAT ASAL (MyProjek)	PERMOHONAN PERUBAHAN / PERTAMBAHAN	JUSTIFIKASI
		5. Membangunkan dan melaksanakan program galakan dan strategi komunikasi bagi meningkatkan skala pelaksanaan Program Akademi Dalam Industri menerusi media sosial, penerbitan video dan artikel, proof of concept (testimoni), editorial, advertorial, hebahan radio/tv/papan iklan dan nudging items. Program galakan dan strategi komunikasi turut merangkumi: (i) langganan perkhidmatan sewaan jalur lebar, peralatan membangunkan kandungan media sosial, rangkaian penyebaran maklumat bagi hebahan/promosi program Akademi Dalam Industri; dan (ii) penganjuran kempen bagi menarik bakat menyertai program Akademi Dalam Industri meliputi kawasan bandar dan luar bandar dan membentangkan kertas strategik Akademi Dalam Industri kepada Kementerian, Kerajaan Negeri dan PBT di 14 buah negeri.	
		6. Program transformasi bersama industri bagi tujuan pendedahan, pemantauan, pengiktirafan dan	

PERKARA	MAKLUMAT ASAL (MyProjek)	PERMOHONAN PERUBAHAN / PERTAMBAHAN	JUSTIFIKASI
		pelaksanaan peningkatan kemahiran dalam industri.	
		7. Program <i>Fact Finding Mission</i> ke negara-negara terpilih (negara-negara OECD/ Jepun/Taiwan) yang mempunyai produktiviti tinggi dan pepadanan tenaga kerja kepada industri bagi meningkatkan kemahiran.	
		8. Mengadakan LoA/commitment pledge/NoA/NoU/MoU/NDA dengan rakan strategik, sekiranya terdapat permintaan.	
		9. Lantikan penyedia perkhidmatan untuk memudahcara pelaksanaan program.	
		10. Membangunkan kajian kebolehlaksanaan, projek rintis dan modul bagi work-based learning menerusi Akademi Dalam Industri bersama Institusi Pengajian Tinggi dan pakar industri.	

PERKARA	MAKLUMAT ASAL (MyProjek)	PERMOHONAN PERUBAHAN / PERTAMBAHAN	JUSTIFIKASI
Kumpulan Sasar	Komuniti AiF termasuk: - Pelajar yang tidak menduduki Tingkatan Lima - Pelajar menerima Sijil Am Pelajaran (gagal mata pelajaran Bahasa Melayu / Sejarah) - Lulusan SPM / SPM TVET - Pelajar gagal menamatkan pengajian (Sijil/ Diploma/ Sarjana Muda) - Jabatan Kemajuan Orang Asli - Jabatan Penjara Malaysia - Agensi Antidadah Kebangsaan - Pelajar Sekolah Henry Gurney - Masyarakat komuniti Program Perumahan Awam / Program Perumahan Rakyat Termiskin - Golongan gelandangan / <i>street kids</i> (18 tahun ke atas) - Ibu tunggal - Tunas Bakti Komuniti <i>Train and Place</i> (Graduan Lulusan IPTA / IPTS / Pelajar Pengajian Tinggi/ Kolej) - Sasaran kepada graduan baharu yang telah tamat	1. Komuniti <i>Train and Place</i> (TnP): Graduan Lulusan IPTA / IPTS / Pelajar Pengajian Tinggi/ Kolej Sasaran kepada graduan baharu yang telah tamat pengajian tetapi masih belum bekerja. • Juruteknik: Minimum Diploma atau SKM Tahap 3 dalam bidang Elektrikal dan Elektronik atau yang setara. • Jurutera: Jurutera dengan Sarjana Muda bidang Elektrikal & Elektronik atau setara dan mempunyai CGPA >2.8 2. Komuniti <i>Akademi Dalam Industri</i>: a. Lulusan Sekolah b. Lulusan TVET (memiliki Sijil Kemahiran Malaysia) & Graduan Institut Pengajian Tinggi c. Kembali Bekerja (<i>Return-to-Work</i>) d. Tenaga kerja yang belum digunakan sepenuhnya (<i>Untapped Workforce</i>)	Kumpulan sasaran Akademi Dalam Industri diperluas kepada 4 kategori supaya ramai rakyat Malaysia berpeluang untuk mendapat pekerjaan dan peningkatan kerjaya dalam industri yang diceburi. i. Lulusan Sekolah ii. Lulusan TVET (memiliki Sijil Kemahiran Malaysia) & Graduan Institut Pengajian Tinggi iii. Kembali Bekerja (<i>Return-to-Work</i>) iv. Tenaga kerja yang belum digunakan sepenuhnya (<i>Untapped Workforce</i>) Berdasarkan kepada kelulusan Mesyuarat PEMUDAH Bil. 1/2023, mesyuarat telah bersetuju untuk memperluaskan kategori komuniti Akademi Dalam Industri kepada golongan kembali bekerja (<i>return-to-work</i>) dan tenaga kerja yang belum digunakan sepenuhnya (<i>untapped workforce</i>). Kategori lulusan sekolah masih kekal sebagai peserta inisiatif ini dan peralihan kategori graduan dan lulusan TVET turut dimasukkan sebagai peserta Akademi Dalam Industri. Komuniti <i>Train and Place</i> (TnP) adalah kekal.

PERKARA	MAKLUMAT ASAL (MyProjek)	PERMOHONAN PERUBAHAN / PERTAMBAHAN	JUSTIFIKASI
	pengajian tetapi masih belum bekerja. - Juruteknik: Minimum Diploma atau SKM Tahap 3 dalam bidang Elektrikal dan Elektronik atau yang setara. - Jurutera: Jurutera dengan Sarjana Muda bidang Elektrikal & Elektronik atau setara dan mempunyai CGPA >2.8		
Output	Melahirkan seramai 20,000 orang pelatih dalam industri E&E tempatan yang memfokuskan kepada 3 bidang utama iaitu automasi, semikonduktor dan <i>electronics manufacturing services</i> hingga 2025 melalui program AiF.	1. Menarik penyertaan seramai 30,000 tenaga kerja produktif sehingga 2025 melalui Program <i>Akademi Dalam Industri</i> bagi mana-mana industri berproduktiviti tinggi.	Pindaan butiran adalah sejajar dengan perluasan skop dan kumpulan sasar.
	500 jurutera dan 500 juruteknik dilatih mengikut keperluan semasa industri bagi tempoh 2022 hingga 2023 di bawah program <i>Train and Place</i> .	2. Melahirkan seramai 500 jurutera dan 500 juruteknik bagi sektor E&E di bawah program <i>Train and Place</i> (TnP).	
		3. Sebanyak 1,500 syarikat yang melaksanakan peningkatan kemahiran melalui program <i>Akademi Dalam Industri</i> .	

PERKARA	MAKLUMAT ASAL (MyProjek)	PERMOHONAN PERUBAHAN / PERTAMBAHAN	JUSTIFIKASI
		4. Kerangka laluan kemahiran berasaskan work-based learning.	
Outcome	- Melahirkan tenaga kerja tempatan yang memenuhi keperluan industri E&E dengan penawaran pendapatan yang bersesuaian/ tinggi. - Melahirkan lebih ramai bakat dan pelatih tempatan berkemahiran tinggi yang diiktiraf yang dapat diserapkan sebagai tenaga kerja di syarikat penganjur dengan pendapatan tinggi. - Memastikan program bakat AiF diperakui menerusi program-program yang dilaksanakan oleh MPC dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).	- Peningkatan kemahiran bakat melalui pengiktirafan oleh Kerajaan melalui Sijil Kemahiran Malaysia. - Menyumbang kepada peningkatan kedudukan Indeks Pembangunan Manusia (HDI) melalui kenaikan purata tahun persekolahan rakyat Malaysia kepada 12.7 tahun menjelang tahun 2033. - Menyumbang kepada peningkatan pekerja berkemahiran daripada 29.6 peratus pada tahun 2022 kepada 35.0 peratus pada tahun 2030 - Menyumbang kepada padanan kemahiran daripada 62.6 peratus pada tahun 2023 kepada 70.0 hingga 80.0 peratus menjelang tahun 2030	Bagi melonjakan produktiviti buruh, usaha perlu dilaksanakan dengan mentransformasi landskap pasaran buruh Malaysia yang bergantung kepada tenaga kerja berkemahiran rendah kepada tenaga kerja berkemahiran tinggi.

PERKARA	MAKLUMAT ASAL (MyProjek)	PERMOHONAN PERUBAHAN / PERTAMBAHAN	JUSTIFIKASI
KPI Projek	20,000 bakat AiF dilatih daripada 3 bidang utama iaitu automasi, semikonduktor dan <i>electronics manufacturing services</i> bagi tempoh hingga 2025.	30,000 bakat menyertai industri berproduktiviti tinggi di bawah program <i>Akademi Dalam Industri</i> sehingga tahun 2025. 1,500 syarikat yang melaksanakan peningkatan kemahiran melalui program <i>Akademi Dalam Industri</i> 1 kajian kebolehlaksanaan untuk membangunkan laluan kemahiran berasaskan work-based learning.	Pindaan sasaran mengambilkira perluasan skop dan kumpulan sasar. Sasaran ini juga dilihat rasional bagi memastikan impak inisiatif ini yang boleh dikembangkan pada masa akan datang dengan usaha penambahbaikan yang berterusan.
	500 jurutera dan 500 juruteknik dilatih mengikut keperluan semasa industri bagi tempoh 2022 hingga 2023 di bawah <i>Train and Place</i> .	Kekal	
Negeri	Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Johor, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak.	Kekal	

UNJURAN KPI PROJEK

Bil	Kuantiti	Unit	Penerangan	Sasaran		
				2023	2024	2025
1.	500	Bilangan	Bilangan jurutera yang telah dilatih dan ditempatkan ke industri E&E di bawah program Train and Place (TnP)	500	-	-
2.	500	Bilangan	Bilangan juruteknik yang telah dilatih dan ditempatkan ke industri E&E di bawah program Train and Place (TnP)	500	-	-
3.	30,000	Bilangan	Bakat menyertai industri berproduktiviti tinggi di bawah program Akademi Dalam Industri	-	15,000	15,000
4.	1,500	Bilangan	Syarikat yang melaksanakan peningkatan kemahiran melalui program Akademi Dalam Industri	-	800	700
5	1	Bilangan	Kajian kebolehlaksanaan untuk membangunkan laluan kemahiran berasaskan work-based learning	-	-	1

PERINCIAN PERUNTUKAN

Bil.	Perkara	Agensi	Pencapaian	Siling Peruntukan (RM)	Siling Peruntukan Pindaan (RM)	Perbelanjaan (RM)
1.	RP1 2021	MIDA	124 pelajar dilatih	1.75 juta	Tiada pindaan	1.75 juta
2.	RP2 2022	MPC	*Peruntukan diterima pada Oktober 2022. Pindaan NOC lulus pada Mac 2023.	3 juta*	Tiada pindaan	-
3.	RP3 2023	MPC	• 500 jurutera dan 500 juruteknik telah dilatih. • 281/500 jurutera telah ditempatkan ke industri • 169/500 juruteknik telah ditempatkan ke industri.	5.25 juta	Tiada pindaan	8.25 juta
4.	RP4 2024	MPC	• 15,889 permohonan bakat melalui portal ADI • 2,800 bakat telah ditempatkan ke industri	5.69 juta	Tiada pindaan	
5.	RP5 2025	MPC		9.31 juta	16 juta	
Jumlah				25 juta	31.69 juta	

Data sehingga 31 Mei 2024

Pecahan peruntukan bagi tahun **2024 dan 2025** untuk kos pelaksanaan program *Akademi Dalam Industri*. Perincian perbelanjaan adalah seperti berikut:

PERINCIAN KOS

BIL.	PERINCIAN	TAHUN		JUMLAH (RM)
		2024	2025	
1.	STRATEGI KOMUNIKASI PENINGKATAN DAYA SAING BAKAT INDUSTRI MASA HADAPAN i. Pembangunan program, pencarian data dan saringan calon bakat (bagi mencapai 30,000 bakat Akademi Dalam Industri) ii. Jalinan kerjasama strategik bersama semua komuniti kumpulan sasar Akademi Dalam Industri iii. Pembangunan pelan komunikasi bagi tujuan promosi iv. <i>Fact finding mission</i>	1,010,000	5,000,000	6,010,000
2.	PEMBANGUNAN MODUL INDUSTRI i. Jalinan Kerjasama bersama sektor, persatuan industri, kumpulan syarikat dan syarikat Akademi Dalam Industri (bagi mencapai 1,500 syarikat Akademi Dalam Industri) ii. Penetapan modul industri bagi program Akademi Dalam Industri iii. Pemantauan dan penilaian iv. Majlis Graduasi Akademi Dalam Industri	3,680,000	7,612,000	11,292,000
3.	<i>Akademi Dalam Industri</i> MANAGEMENT SYSTEM & MOBILE APPS DEVELOPMENT i. Peningkatan, penyelenggaraan, integrasi dan keselamatan sistem Akademi Dalam Industri ii. Pembangunan mobile apps iii. Penambahbaikan fasa sistem iv. API v. Langganan perkhidmatan SMS	1,000,000	2,000,000	3,000,000

4.	KAJIAN KEBOLEHLAKSANAAN: LALUAN KEMAHIRAN BERASASKAN WORK-BASED LEARNING (WBL)	-	1,388,000	1,388,000
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		5,690,000	16,000,000	21,690,000